

Mengurus Antara Keluarga dan Kerjaya Organisasi: Analisis Melalui Pendekatan *al-Tadayyun*, *al-Maqasid* dan *al-Wasatiyyah*

Managing between Family and Organisational Career: Analysis through al-Tadayyun, al-Maqasid and al-Wasatiyyah Approaches

SHARIFAH HAYAATI SYED ISMAIL

ABSTRAK

*Wanita, keluarga dan kerjaya adalah tiga entiti yang tidak dapat dipisahkan dalam pembangunan kehidupan masyarakat pada hari ini, ditambah pula dengan jumlah penglibatan wanita dalam arena pekerjaan yang semakin meningkat. Dapatan kajian menunjukkan kegagalan mengurus keluarga dan kerjaya telah mengakibatkan peningkatan isu stres di tempat kerja. Apatah lagi dengan tuntutan untuk meningkatkan prestasi kerja, menjadikan tanggungjawab mengurus antara keluarga dan kerjaya suatu cabaran semasa. Ada pandangan yang turut mengaitkan hal ini dengan punca berlakunya gejala sosial muda-mudi dan keretakan rumahtangga. Kajian literatur mendapati pendekatan Islam khususnya melalui konsep yang dinamakan sebagai *al-Tadayyun*, *al-Maqasid* dan *al-Wasatiyyah* dalam mengurus keluarga dan kerjaya masih belum diperbincangkan. Dengan menggunakan kaedah analisis teks dan literatur, makalah ini menganalisis bagaimana konsep tersebut boleh menjadi suatu pendekatan baru untuk diaplikasikan dalam menguruskan keluarga dan kerja. Penulisan ini bertujuan mengenalpasti isu berkaitan Pengurusan Keluarga dan Kerja (PKK), menghuraikan tiga konsep Islam dan bagaimana ia boleh dijadikan suatu pendekatan terhadap PKK. Selain itu, ia bertujuan mengisi kelompongan dalam perbincangan literatur tentang PKK menurut perspektif Islam. Hasil analisis mendapati bahawa tiga pendekatan ini berpotensi serta relevan dalam menyediakan kerangka, prinsip, nilai utama serta pendekatan untuk diaplikasikan dalam Pengurusan Keluarga dan Kerjaya secara Islam (PKK-I dalam memberikan keutamaan, perhatian dan kekuatan dalaman dan pembangunan karakter dalam PKK terutama apabila berhadapan dengan stres kerja dan keluarga). Iaitu pertama, melalui 10 cara *al-Tadayyun* (penghayatan beragama). Kedua, PKK-I melalui pendekatan berteraskan masalah (kebajikan) dan pendekatan secara *awlawiyyat* (keutamaan). Ketiga, PKK-I melalui pendekatan *al-Wasatiyyah* (berimbang, adil dan pilihan terbaik).*

Kata kunci: kerjaya; stres; al-Tadayyun; al-Maqasid; al-Wasatiyyah

ABSTRACT

*Women, family and career are three inseparable entities in the development of public life today especially with an increasing total number of womens' participation in employment. However, research findings indicate a failure in managing family and career resulting in increase of stress at the workplace. Let alone the demand to improve work performance, has made managing between family and career as a new challenge. There are views that link these symptoms with the cause of the occurrence of domestic social fractures. Literature reviews found the concepts of Islam particularly known as *al-Tadayyun*, *al-Maqasid* and *al-Wasatiyyah* as Family and Career Management (FCM) approaches have yet to be discussed. By analysing texts and literature, this article analyses how the three concepts of *al-Tadayyun*, *al-Maqasid* and *al-Wasatiyyah* could become a new approach in dealing with FCM. This writing identifies issues related to the FCM, describes three Islamic concepts and how they can potentially be used as an approach for the FCM. In addition, it aims to fill in the gap in the literature that relates to FCM from an Islamic perspective. Results of analysis*

show that the three Islamic concepts are potential and relevant for FCM-Islamic (FCM-I) framework, main value principles and approaches in giving priority, attention, internal strength and character development, especially when faced with work and family stress. These are achieved firstly, through the 10 ways of al-Tadayyun (appreciation of religion). Secondly, through an element of maslahah (welfare) and awlawiyyat (priority) and thirdly, through Wasatiyyah (balanced, fair and best choice) approaches.

Keywords: Career; stress; al-Tadayyun; al-Maqasid; al-Wasatiyyah

PENGENALAN

Penglibatan wanita dalam dunia pekerjaan sama ada bekerja sendiri atau mempunyai majikan di sektor awam, korporat mahupun bisnes sehingga kepada urusan kenegaraan dan pembuatan dasar, bukanlah suatu penglibatan atau pencapaian baru. Ia telah berlaku dan diterima sejak berabad-abad lamanya di dunia. Dalam sejarah Islam sendiri, wanita telah rnelibatkan diri dalam arena ini sebelum Nabi Muhammad s.a.w diutus sebagai Nabi dan Rasul yang terakhir. Keagungan Ratu Balqis yang rnernerintah Kerajaan Saba' sudah cukup rnernbuktikan keupayaan wanita dalam mengendalikan sesuatu di luar ruanglingkup diri dan keluarganya. Malah Al-Quran sehingga kepada memimpin masyarakat dan rncorakkan politik sesebuah negara. Dalam Surah al-Naml: ayat 23 yang bermaksud: "*Sesungguhnya aku (Nabi Sulaiman a.s) menjumpai seorang wanita (Ratu Balqis) yang memerintah mereka, dan dia dianugerahkan segala sesuatu serta mempunyai singgahsana yang besar*". Walaupun ahli tafsir kebanyakannya bersetuju mengatakan Ayat di atas bukan bertujuan untuk menggambarkan kedudukan pemerintahan Ratu Balqis tetapi lebih kepada menunjukkan gambaran keadaan masyarakatnya yang menyembah matahari. Ia walaubagaimanapun telah menunjukkan posisi wanita yang telahpun memainkan peranan dalam mentadbir negara. Di zaman Rasulullah s.a.w sendiri, wanita telah melaksanakan peranannya dalam memberikan janji setia dan ketaatan kepada kenabian baginda melalui *bay'ah*. Daripada penglibatan yang pertama diberi oleh wanita di luar daripada urusan keluarga telah menarik *bay'ah* selanjutnya dari golongan ini iaitu yang dinamakan *bay'ah al-nisa'*. *Bay'ah* di sini lebih besar makna dan impaknya berbanding makna yang terkandung dalam istilah legitimasi dalam ilmu sains politik moden kerana ia bererti ketaatan kepada aqidah Islam selain kepada kepimpinan itu. Wanita dalam bisnes juga boleh dilihat melalui kejayaan Saidatina Khadijah binti

Khuwailid iaitu sebagai seorang ahli perniagaan terkemuka lagi disegani.

Begitu juga peranan wanita yang besar dalam proses pembuatan keputusan di zaman Rasulullah s.a.w melalui pandangan yang mereka berikan walaupun bukan secara formal sebagaimana proses pembuatan keputusan dalam pentadbiran hari ini. Antaranya keputusan yang berkaitan dengan kedudukan mereka dalam peperangan seperti yang disuarakan oleh Ummu Salamah dalam Peperangan Hudaibiyah. Keputusan Baginda Rasulullah s.a.w membenarkan kaum wanita membantu kaum lelaki dalam peperangan walaupun dilihat sebagai bekerja di 'balik tabir', namun cukup menjadi bukti pengiktirafan terhadap peranan mereka di luar lingkaran rumahtangga. Peranan ini telah membantu memberi kekuatan kepada masyarakat Islam melalui kerjasama padu masyarakatnya sehingga membawa kejayaan dalam mengalahkan musuh Islam. Di sinilah kemaslahatan yang barangkali dilihat oleh Baginda Rasulullah s.a.w apabila menerima pandangan dan sumbangan tenaga wanita walaupun mereka juga mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga.

Selain itu, peranan wanita juga dapat dilihat melalui penglibatan dua orang wanita iaitu Asma' binti `Amr dari Bani Salamah dan Nusaibah binti Ka`ab dari Bani Najjar dalam Bai`ah al-`Aqabah II yang terdiri daripada 73 individu (al-Jabari 1997). Jumlah wanita walaupun tersangat sedikit telah menunjukkan bahawa mereka tidak dihalang pada ketika itu untuk mempamerkan kepercayaan dan janji taat setia kepada pemimpin iaitu Rasulullah s.a.w. Peranan wanita dalam penentuan keputusan atau sesuatu hukum telah diteruskan di zaman khalifah Saidina Umar bin al-Khattab. Iaitu dalam penentuan kadar mahar dan tempoh lama wanita boleh bersabar apabila ditinggalkan suarni (al-Qaradhawi 2002). Walaupun kedua-dua isu tersebut adalah isu wanita, namun tindakan seorang khalifah yang terkenal dengan ketegasannya telah mengambilkira pandangan wanita, jelas

menunjukkan bahawa pandangan mereka sangat penting dalam penentuan sesuatu keputusan bahkan dasar sosial pada ketika itu. Contoh lain adalah penglibatan Zubaydah binti Ja'far iaitu isteri kepada Khalifah Abbasiyyah Harun al-Rasyid yang tinggal di Baghdad (786M-809M). Beliau telah mengarahkan sekumpulan petugas untuk membina jalan dari kufah ke Mekah sejauh 900 batu sebagai laluan utama paling awal jemaah haji pada ketika itu dan dinamakan dengan *Darb Zubaydah*. Selain beliau juga telah meminta untuk menggali parit atau tali air dari Mesopotamia ke Mekah yang dinamakan sebagai '*ayn Zubaydah*. Ia terletak di Numan Wadi dan perbelanjaannya dilaporkan telah menelan sebanyak 54 juta dirham serta siap pada tahun 801 Masehi.¹ Manfaat '*ayn Zubaydah* tercatat dalam tulisan perjalanan Ibnu Jubayr dari Andalusia ke Makkah, "Jamaah haji menuang air yang mereka ada dan bersenang-senang dalam kelimpahan air itu. Mereka berenang dan mandi pada air itu. Itulah pemberian Tuhan bagi perjalanan mereka" (Kurshid 2012: 43). Apa yang dilakukan oleh Zubaydah binti Ja'far bukan sekadar memberikan pandangan tetapi telah membentuk suatu dasar sosial yang efektif bagi kerajaan Bani 'Abbasiyyah pada ketika itu. Pelaksanaan pembinaan tali air adalah usaha pentadbiran negara yang jelas dipelopori oleh seorang wanita Islam. Dan sumbangan ini adalah sumbangan yang besar, iaitu menggubal suatu dasar yang memberi *maslahah* jangka panjang kepada masyarakat. Ini adalah gambaran penglibatan wanita dalam urusan kenegaraan.

ISU DAN CABARAN SEMASA MENGURUS KELUARGA DAN KERJAYA

Dalam satu kajian yang dijalankan terhadap 954 responden dari pelbagai industri pekerjaan di Malaysia, mendapati 63% pekerja tidak meluangkan masa yang cukup bersama keluarga disebabkan oleh bebanan kerja. Malah, sehinggalah ada yang bekerja lebih masa dari dua hingga tiga jam selepas tamat waktu bekerja (Noraini & Nor Diana 2015). Kesannya mereka tidak dapat meluangkan masa secukupnya dengan keluarga sehinggalah 75% daripada mereka menyatakan bahawa hari cuti mereka terganggu akibat kerja berlebihan masa (Noraini & Nor Diana 2015). Akibat kesibukan bekerja maka timbul isu pengabaian penjagaan anak. Contohnya, terdapat

kes kanak-kanak terjun dari balkoni rumah kerana didapati dibiarkan bersendirian oleh ibu bapanya yang sibuk bekerja (Kohilah 2015). Malah isu berhenti kerja, tidak puas hati terhadap majikan serta tekanan di tempat kerja telah menyebabkan juga timbulnya isu kepincangan rumahtangga apabila pekerja tidak dapat memberikan tumpuan terhadap keluarga dengan baik selain isu stres dan kesihatan mental (Francis & Gopinath Sangaran 2015). Dalam kajian Kim Hye Hyoung (2014) juga mendapati keseimbangan kerjaya-keluarga dalam kalangan pekerja adalah tunggak utama dalam mencapai kepuasan bekerja dan meningkatkan prestasi sesebuah organisasi.

Dalam cabaran dunia pekerjaan hari ini, pekerja juga terdedah dengan konflik peranan (Muhamad Irwan, Wan Shahrazad & Mohd Shahfie 2016). Konflik ini boleh berlaku apabila pekerja diberikan beban tugas ataupun tanggungjawab baru atau yang bukan dalam kepakarannya. Akibatnya, didapati pekerja terpaksa bekerja dengan lebih keras untuk belajar tentang skop tugas yang baru serta dalam masa yang sama berhadapan dengan harapan tertentu pihak majikan. Menyesuaikan diri dengan skop kerja baru dan kepuasan majikan dan pelanggan jika tidak dihadapi dengan baik mampu mengundang konflik dan stres. Keadaan ini bukanlah mudah dan ianya membawa kepada tekanan kerana pekerja merasakan mereka terlalu terbeban sehingga tidak mampu membahagikan masa dengan baik bersama keluarga akibat tuntutan kerja (Md. Razak et al. 2014; Muhammad Khalil, Idaya Husna & Muhammad Shafiq 2015). Tanggungjawab terhadap keluarga termasuk menjaga keluarga yang sakit tanpa pembantu dan keewangan yang mencukupi juga antara faktor para pekerja mudah menjadi tertekan (Nur Saadah & Helma 2016). Ianya bukan sahaja memberi kesan terhadap keluarga mereka, malah turut menjejaskan kesihatan dan prestasi kerja (Retu Atheya & Renu Arora 2014). Apabila mereka tidak dapat meluangkan lebih masa bersama keluarga maka segala ketidakpuasan hati akan dilepaskan pada kerja dan sekaligus memberi kesan terhadap kualiti kerja kerana pekerja yang berpuas hati terhadap suasana kerja yang baik serta mampu meluangkan masa bersama keluarga cenderung untuk melaksanakan tugas dengan gembira dan memberikan yang terbaik terhadap institusi (Yadav & Rani 2015). Muhammad Khalil et al. (2015) mengatakan gangguan emosi yang tercetus di tempat kerja mampu memberikan

kesan yang mendalam terhadap kerjaya dan juga keluarga pekerja. Selain itu luapan emosi yang lahir daripada tekanan kerja melampau turut terjadi apabila pekerja telalu memberikan tumpuan terhadap pekerjaan sehingga tidak mampu untuk memberikan masa terhadap keluarga sedangkan mereka merasakan kedua-duanya adalah penting. Keseimbangan kerjaya-keluarga juga dapat meningkatkan motivasi diri dan seterusnya menyumbang kepada prestasi tinggi pekerja. Menurut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4, 1998, pegawai berprestasi rendah didefinisikan sebagai pegawai yang tidak dapat menyumbang ke arah pencapaian objektif jabatan, gagal mencapai sasaran kerja tahunan, tidak produktif dan tidak mempunyai pengetahuan dalam bidangnya dan berkemahiran rendah.

Hasil daripada kajian mendapati bahawa bebanan kerja menjadi punca utama terhadap ketidakseimbangan kerjaya-keluarga diikuti oleh konflik peranan. Dalam Retu Atheya dan Renu Arora (2014) mendapati dua faktor yang memberikan kesan terhadap prestasi kerja dan menentukan kadar keseimbangan kerjaya-keluarga yang dicapai oleh pekerja iaitu pertama faktor kerjaya yang terdiri daripada jenis pekerjaan, gaji, majikan, rakan, dan suasana sekeliling di tempat kerja. Kedua, adalah faktor diri individu itu sendiri meliputi faktor umur, status, pendidikan, personaliti dan tanggungan pekerja. Kedua-dua faktor ini boleh mempengaruhi keupayaan untuk mengimbangi peranan antara kerja dan keluarga. Justeru, antara pendekatan penyelesaiannya menurut kajian Nur Saadah dan Helma (2016) adalah melalui sokongan emosi samada oleh suami, keluarga, jiran mahupun rakan sekerja. Manakala Naimah (2015) mengatakan, selain daripada sokongan suami dan juga majikan dalam mencapai keseimbangan kerjaya-keluarga, penjawat awam wanita perlu melaksanakan tuntutan Syarak bagi menjamin keseimbangan dalam kedua-dua kehidupan mereka. Termasuklah dengan memelihara batas aurat dan ruang lingkup pergaulan di tempat kerja, mendapat keizinan suami, menjaga nama baik suami, memilih kawan yang baik dan mengimbangi tugas-tugas di rumah dan pejabat dengan baik. Walaubagaimanapun, perkara tersebut bukan menjadi fokus perbincangan dalam penulisan ini.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini adalah hasil daripada kajian bersifat kualitatif dengan menggunakan metod kajian teks dan literatur terhadap kajian lepas. Analisis teks dilakukan terhadap tafsir al-Quran berkenaan dalil yang berkaitan dengan tiga konsep utama Islam yang mengandungi penekanan terhadap tiga aspek penting dalam kehidupan iaitu akidah, akhlak dan syariah. Tiga konsep utama tersebut ialah *al-Tadayyun*, *al-Maqasid* dan *al-Wasatiyyah*. Kajian teks melalui petikan ayat al-Quran tertentu dilakukan dengan merujuk kepada tafsir oleh al-Jazairi, al-Sha`rawi, al-Tunisy, al-Qurtubi dan al-Zuhaili. Selain itu, analisis teks juga dilakukan terhadap beberapa pandangan pemikir Islam silam dan kontemporari iaitu pandangan Imam al-Syatibi, al-Qaradhawi, Khallaf dan al-Raysuni. Manakala dalam memahami latarbelakang dan isu berkaitan PKK semasa, analisis literatur telah dijalankan terhadap 12 kajian lepas yang terkini antara tahun 2014 hingga 2016. Antaranya kajian Muhamad Irwan, Wan Shahrazad dan Mohd Shahfie (2016), Nur Saadah dan Helma (2016), Noraini dan Nor Diana (2015), Kohilah (2015), Francis dan Gopinath Sangaran (2015) dan Kim Hye Hyoung (2014). Kajian ini dirujuk bagi memahami isu semasa yang berkaitan dengan keseimbangan kerja dan keluarga. Hasil daripada analisis yang dilakukan terhadap teks al-Quran, pandangan pemikir Islam dan kajian lepas, kajian ini telah merumuskan dapatannya menggunakan metod deduktif untuk melihat kesesuaian tiga konsep umum Islam yang mempunyai hubungkait yang jelas serta relevan dan berpotensi sebagai pendekatan baru untuk diketengahkan dalam menangani isu semasa berkaitan PKK.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Makalah ini mengemukakan tiga konsep yang relevan, berpotensi dan mempunyai hubungkait yang jelas untuk dijadikan sebagai pendekatan dan asas bagi PKK-I. Iaitu menerusi *al-Tadayyun*, *al-Maqasid* dan *al-Wasatiyyah*.

MEMAHAMI KONSEP DAN PENDEKATAN *AL-TADAIYYUN*


Al-Tadaiyyun adalah perkataan Bahasa Arab bermaksud penghayatan beragama (*religious conscience*) dari asal perkataan *Din* iaitu agama. Ukuran yang boleh memberikan gambaran kepada penghayatan ini yang utamanya adalah pengamalan berasaskan kefahaman dan pengetahuan agama dalam kalangan umat Islam. Sesetengah penulisan menggunakan perkataan komitmen beragama (Hasanah 2016; Handoyo & Rusli 2008) dan kematangan beragama (Indirawati 2006). Penghayatan beragama meliputi sama ada yang melibatkan lingkungan yang dalam pegangan pengaruhnya (*circle of influence*) seperti akidah, ibadah dan akhlak; atau yang melangkaui ruang pengaruh atau kepeduliannya (*circle of concern*) seperti pegangan agama dan amalan individu lain, masyarakat Islam dan negara. Penghayatan beragama terkandung dalam pengertian iman dan taqwa (al-Qurtubi t.t). Justeru, pelaksanaan kehidupan berasaskan iman dan takwa akan membentuk penghayatan beragama.

Justeru, ia boleh diukur melalui pelbagai amalan antaranya melalui pelaksanaan 10 ciri dan amalan terbaik bagi wanita dan lelaki menerusi teks al-Quran dalam Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab, Ayat 35. Bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar”.

Ayat ini dipilih sebagai contoh ukuran *al-Tadaiyyun* kerana keunikan gabungan beberapa aspek dalam Ayat tersebut yang meliputi gender, ciri,

amalan dan nilai serta impak yang akan diperolehi oleh individu yang memiliki 10 gabungan tersebut. Sepuluh ciri tersebut dinyatakan sebagaimana di bawah;



RAJAH 1. Ukuran *al-Tadaiyyun*

Keunikan Ayat Allah SWT ini bukan sahaja terletak pada gandingan sepuluh cirinya tetapi juga gandingan tersebut merangkumi ciri dan tanggungjawab bagi wanita dan lelaki. Selain, Ayat tersebut memperlihatkan susunan yang menggambarkan ketamaan bagi ciri dan amalan terbaik untuk kedua-dua mereka. Allah SWT meletakkan ciri yang paling utama di awal Ayat iaitu gandingan Islam, iman dan taat sebagai hak Allah dan disudahi juga dengan hak Allah SWT iaitu dengan menyebut namaNya dengan sebanyak-banyaknya. Sepuluh ciri serta amalan ini juga adalah gabungan kepada tiga sendi Islam iaitu akidah, akhlak dan syariat. Islam, iman dan taat adalah dalam kelompok ciri akidah. Manakala benar, sabar dan merendah diri adalah dalam kelompok ciri akhlak. Seterusnya bersedekah, puasa dan menjaga kehormatan adalah termasuk dalam pelaksanaan syariat. Ayat ini disudahi dengan amalan pengukuh kepada ketiga-tiga sendi Islam tersebut iaitu menyebut namaNya sebanyak-banyaknya dengan maksud beramal soleh kerana Allah. Di akhir Ayat pula Allah SWT menyatakan ganjaran yang akan diperolehi iaitu keampunan dan pahala yang besar. Malah Allah SWT menegaskan bahawa segala amalan adalah dalam pengetahuanNya. Sebagaimana juga yang terkandung dalam Surah Al-Kahfi: Ayat 49:

وَوُضِعَ الْكِتَابُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَا وَيْلَتَنَا مَالِ هَذَا الْكِتَابِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا ۗ وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا ۗ وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا

Maksudnya: “Dan diletakkanlah kitab, lalu kamu akan melihat orang-orang bersalah ketakutan terhadap apa yang (tertulis) di dalamnya, dan mereka berkata: “Aduhai celaka kami, kitab apakah ini yang tidak meninggalkan yang kecil dan tidak (pula) yang besar, melainkan ia mencatat semuanya; dan mereka dapati apa yang telah mereka kerjakan ada (tertulis). Dan Tuhanmu tidak menganiaya seorang juapun”.

Kata **أَحْصَاهَا** dalam Ayat ini diambil dari kata *hasaa*, artinya kerikil, maksudnya perhitungan yang dibuat itu amat teliti. Perbincangan ini adalah berdasarkan pandangan ahli-ahli tafsir dalam membahaskan sebab turunnya Ayat 35 Surah al-Ahzab. Antaranya sebagaimana berikut;

Kitab Al-Aisar Al-Tafasir (al-Jazairi 1997) Ayat ini adalah satu berita gembira kepada umat Islam lelaki dan perempuan dengan keampunan dosa mereka dan ganjaran syurga sekiranya bersifat dengan sepuluh sifat yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam Ayat ini. Sifat-sifat itu dimulai dengan Islam dan diakhiri dengan mengingati Allah SWT. Ini adalah merupakan suatu janji Allah SWT dalam amalan serta ganjaran dalam melaksanakan setiap perintah Allah SWT. Menurut al-Jazairi, Ayat ini diturunkan ekoran pertanyaan isteri Rasulullah s.a.w kepada baginda.

Kitab Al-Munir (al-Zuhaili 2003) Ayat ini mengandungi sepuluh adab yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk diamalkan. Ayat ini juga mengumpulkan asas-asas penting dalam Islam seperti iktikad, ibadah, akhlak, serta tindakan kemasyarakatan dengan mengajak manusia untuk terus mengingati Allah SWT. Allah SWT memulakan Ayat ini dengan menyebut tentang Islam yang lebih umum daripada iman dan diikuti dengan amalan atau perlakuan. Kemudian dikhususkan pula tentang iman serta apa yang membawa kepada tanda keimanan. Diikuti pula dengan akhlak iaitu menjadi hamba yang taat, menunaikan janji dan bersabar daripada syahwat dan taat pada waktu senang dan susah, seterusnya khusyuk iaitu takut kepada Allah SWT dan bersedekah, berpuasa serta menjaga maruah daripada apa yang tidak diharamkan seperti zina dan yang terakhir adalah mengingati Allah dengan banyak selepas solat, siang dan malam dalam keadaan berdiri, duduk mahupun berbaring.

Kitab Al-Tahrir Wa Al-Tanwir (Ibn `Asyur al-Tunisy 1984) Menurut Ibn `Asyur, Ayat ini adalah kesinambungan daripada Ayat-ayat sebelumnya yang menyebut ganjaran pahala kepada isteri Nabi. Oleh yang demikian, timbul persoalan di kalangan wanita lain adakah kelebihan amalan hanya pada isteri Nabi dan bagaimana pula kepada yang selainnya. Maka Allah menurunkan ayat ini bagi menjelaskan bahawa semua orang di kalangan lelaki dan wanita yang berbuat baik akan mendapat kelebihan serta ganjaran yang telah dijanjikan oleh Allah. Ayat ini juga membuktikan bahawa syariat Islam tidak dikhususkan kepada lelaki sahaja bahkan termasuk wanita. Ini berbeza dengan syariat Taurat yang dibawa oleh Nabi Daud a.s yang mana kebanyakan hukum menjurus kepada kaum lelaki dan hanya sedikit yang merujuk kepada kaum wanita. Berbeza dengan syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w, iaitu sekiranya turun suatu perintah yang bersifat umum, maka ia sudah pasti akan merangkumi kepada lelaki dan wanita kecuali jika ada Nas yang lebih khusus membezakan di antaranya.

Kitab Tafsir Al-Sya'rawi (al-Sya'rawi t.t) Ayat ini diturunkan berdasarkan persoalan Asma' binti Umais isteri kepada Jaafar bin Abi Talib. Asma' berkata kebanyakan perintah hukum diturunkan dan ditujukan kepada lelaki. Sebenarnya, kebanyakan Ayat yang diturunkan menggunakan *dhamir* (kata nama) “hum” iaitu untuk lelaki dan termasuk dalam bab *taghlib* (yang tidak termasuk iaitu perempuan). Bila Allah menggunakan *dhamir* lelaki bukan bertujuan untuk melupakan serta mengurangkan sesuatu daripadanya. Bahkan ia membawa maksud umum meliputi lelaki dan wanita. Allah tidak mengambil manfaat daripadanya kerana semua amalan memberi kelebihan kepada manusia seluruhnya.

Walaupun terdapat empat pandangan ahli tafsir, namun kesemuanya mengemukakan maksud tafsiran dan latarbelakang yang sama. Justeru, terdapat tiga perkara utama yang boleh dirumuskan daripada tafsiran Ayat 35 Surah al-Ahzab ini. Pertama, Allah SWT telah menentukan sepuluh ciri gandingan yang menjadi ukuran bagi wanita dan lelaki Muslim mengikut keutamaan. Kedua, Allah SWT telah menentukan sepuluh ciri penting tersebut sebagai ukuran penghayatan beragama serta syarat untuk menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan manusia. Ketiga, ciri-ciri tersebut menggabungkan tiga aspek utama dalam penghayatan beragama iaitu akidah, akhlak dan syariah yang sekiranya dilaksanakan oleh lelaki dan perempuan maka mereka mendapat ganjaran dan keampunan Allah SWT.

PENDEKATAN *AL-TADAYYUN* & HUBUNGKAITNYA DENGAN PKKI

Mengenengahkan pendekatan ini bermaksud, dalam mengurus kerjaya dan keluarga, setiap individu samada wanita mahupun lelaki perlu menghayati tuntutan beragama antaranya melalui sepuluh ciri yang terkandung dalam Surah al-Ahzab: Ayat 35. Ia adalah sebagai persiapan membina kekuatan dalaman diri termasuklah keyakinan, ketenangan dan kesabaran apabila berhadapan dengan cabaran di tempat kerja dan keluarga. Hubungkait penghayatan beragama dengan PKKI adalah;

Pertama, melalui kekuatan diri yang terhasil melalui sifat rasa bertanggungjawab untuk menjaga nilai iman, taat, benar, mengerjakan puasa, bersedekah dan mengingati Allah sentiasa.

Kedua, ia menjadikan individu itu memiliki daya ketahanan diri hasil daripada penghayatan nilai sabar yang amat penting apabila menghadapi kesulitan dalam keluarga atau masalah dan bebanan kerja di pejabat.

Ketiga, ia membangunkan sifat empati kepada orang lain iaitu melalui penghayatan dalam amalan puasa dan sedekah. Nilai ini penting dalam menjadikan seseorang individu itu tidak mementingkan diri sendiri khususnya dalam mengejar kejayaan atau kekayaan yang menyebabkan dia tidak menjalankan tanggungjawab rumahtangganya dengan baik.

Melalui *al-Tadayyun*, individu akan mendapat ketenangan dalam kehidupan mereka. Firman Allah :

Maksudnya: “(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan «zikrullah». Ketahuilah dengan «zikrullah» itu, tenang tenteramlah hati manusia” (Al-Ra`du: Ayat 28).

Keempat, kejayaan mengurus keluarga dan kerjaya melalui keredhaan dan keampunan Allah SWT yang diraih hasil daripada amalan soleh dari *al-tadayyun*.

Kelima, kejayaan mengurus keluarga dan kerjaya terhasil melalui keberkatan ilahi apabila perintahNya dilaksana dan tegahanNya ditinggalkan. Kejayaan melalui cara keempat dan kelima ini adalah kejayaan hakiki yang menjadi matlamat dalam PKKI dan perlu dijadikan pegangan serta harapan setiap individu.

Kajian Barat sejak lima dekad yang lalu juga menjumpai hasil dapatan bahawa individu yang menjadikan orientasi agamanya secara intrinsik iaitu sebagai matlamat hidup mempunyai motif agama yang kuat dan akan menerapkan nilai agama dalam kehidupannya (*internalize religious values in his life*) berbanding yang menjadikannya secara ekstrinsik (Allport & Ross 1967).

KONSEP & PENDEKATAN *AL-WASATIYYAH*

Pendekatan *al-Wasatiyyah* banyak dibincangkan dalam bab akidah dan ibadah iaitu akidah yang benar, amalan yang adil dan bersifat sederhana serta tidak keterlaluan. Namun, pengaplikasiannya sebagai suatu pendekatan dalam memacu kejayaan kerjaya dan mengimbangi antara keluarga dan kerja adalah sesuatu yang masih baru diperkatakan. Perkataan *al-Wasatiyyah* boleh dirujuk dari asal kalimah `wasata` dalam Surah al-Baqarah: Ayat 143,

Maksudnya: “Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Dan Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Dan sungguh (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia”.

Al-Wasatiyyah adalah kata terbitan daripada perkataan bahasa Arab `wasat` atau `wasut` yang bermakna `berada di tengah-tengah`. Manakala

'*al-awsat*' pula bermaksud pertengahan². Kalimah ini disebut dalam 5 ayat al-Quran dengan konteks yang berbeza. Selain itu, istilah *al-wasatiyyah* juga disebutkan dalam beberapa ayat yang lain, seperti *al-Wustá* (al-Baqarah, 2: 238), *Awsat* (al-Ma'idah, 5:89), *awsatuhum* (al-Qalam, 68: 28), dan *fawasatna* (al-'Adiyat, 100: 5). Menurut pandangan Ibn Manzur kalimah dalam Surah al-Baqarah: Ayat 143 merujuk kepada umat yang adil, terbaik (*afdhal*) dan terpilih (*khiyar*). Menurut al-Qaradhawi (2002) pula bahawa *wasat* berkait dengan maksud kesederhanaan dengan bersifat berimbang antara dua keadaan atau tidak melampau (al-Sya'rawi t.t). Sabda Rasulullah: **خير الأمور أوسطها** Maksudnya, "*Sebaik-baik perkara adalah yang pertengahan*" (Riwayat al-Baihaqi, Al-Fawaid Al-Majmuah Li As-Syaukani, 588) iaitu dalam bahasa Arabnya *al-awsat*. Tetapi ini bukan bermaksud yang berada antara dua keadaan iaitu tidak cemerlang dan tidak lemah. Ia bermaksud sifat atau sesuatu yang tidak membawa kepada keburukan ekoran berlebih-lebihan. Ia juga berlawanan dengan sifat fanatik, taksub, rigid, radikal dan melampau atau cuai. Ia menekankan empat nilai utama iaitu terpilih, terbaik, berimbang dan adil (Khallaf (t.t)).

Adil pula menurut Ibn Manzur adalah bererti tidak berat sebelah, tidak memihak atau berimbang. Ia juga boleh bermaksud berpegang kepada kebenaran. (Al-Qurtubi t.t) Sifat adil yang terkandung dalam perkataan *al-Wasatiyyah* mengandungi maksud sifat dan tindakan yang terbaik kepada individu atau paling sesuai dan bukannya yang buruk atau zalim. Rasulullah s.a.w bersabda: **ان الدين يسر** Maksudnya: "*Sesungguhnya agama ini mudah*" (Riwayat Imam al-Bukhari, Sahih Bukhari, no. 38). Justeru, perlakuan adil adalah sangat utama dalam pelaksanaan tanggungjawab dan penentu kepada kejayaan. Ia adalah nilai yang lebih dekat dengan taqwa terhadap Allah SWT:


Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah..." (Surah al-Ma'idah: Ayat 8).

Terdapat tiga takrifan ringkas mengenai *al-Wasatiyyah*. Pertama, ialah adil dan saksama, kedua, ialah berimbang atau kesederhanaan dengan

maksud tidak berlebih-lebihan, melampaui batasan dan memudaratkan (Sharifah Hayaati et al. 2015). Sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya : "Jauhilah melampau (al-ghuluw) dalam agama, kerana telah binasa mereka yang sebelummu disebabkan melampaunya mereka di dalam agama" (Riwayat Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, 3028).

Dan ketiga, amalan terbaik dan cemerlang (Sharifah Hayaati et al. 2017). Justeru, dalam ajaran Islam, *al-Wasatiyyah* tidak sewajarnya dipisahkan dengan apa jua bentuk tindakan termasuk dalam keluarga dan kerjaya kerana ia adalah pendekatan yang mengandungi nilai yang berpotensi untuk menjadikan masyarakat Islam sebagai masyarakat terbaik. Elemen nilai ini dirumuskan sebagaimana Rajah 2;



RAJAH 2. Elemen Nilai dalam al-Wasatiyyah

PENDEKATAN *AL-WASATIYYAH* & HUBUNGKAITNYA DENGAN PKKI

Hubungkait pendekatan *al-Wasatiyyah* dalam pengurusan keluarga dan kerjaya ialah melalui 5 bentuk penekanan dalam PKKI. Iaitu;

1. PKKI berteraskan *al-Wasatiyyah* menekankan tindakan yang adil dan saksama. Dimana hak keluarga tidak diabaikan dan hak majikan juga ditunaikan; adil dan saksama dalam memberikan layanan dan perkhidmatan baik di tempat kerja dan layanan serta perhatian baik juga terhadap keluarga;

2. PKKI berteraskan *al-Wasatiyyah* menekankan tindakan yang berimbang antaranya melalui masa yang diperuntukkan untuk diri dan masa beribadat, masa bersama keluarga dan masa bekerja; tindakan berasaskan pengetahuan dan pemikiran yang matang dan rasional bukan berasaskan kehendak dan emosi; berimbang antara tindakan berasaskan kuasa dan tindakan berasaskan perbincangan atau muafakat bersama samada di tempat kerja atau di rumah;
3. PKKI berteraskan *al-Wasatiyyah* menekankan tindakan yang tidak keterlaluan antaranya tindakan yang boleh menjejaskan kesihatan fizikal dan mental;
4. PKKI berteraskan *al-Wasatiyyah* menekankan tindakan yang membawa kepada kebahagiaan dan keberkatan rumahtangga dan kejayaan cemerlang dalam kerjaya melalui pelbagai nilai nilai cipta (*value-creation*) dan nilai tambah (*value-added*) dan sikap positif seperti sifat bertanggungjawab, beramanah, ikhlas, cekap dan komited;
5. PKKI berteraskan *al-Wasatiyyah* menekankan tindakan yang membawa kepada pembentukan kelestarian insan (*shaping human sustainability*) yang merupakan penggerak utama bagi menentukan kebahagiaan dan kejayaan keluarga dan kerjaya. Ini dicapai antaranya melalui program motivasi, latihan dan riadah, penyediaan suasana kerja dan rumahtangga yang kondusif dan selesa, budaya kerja berpasukan dan budaya hidup muafakat.

KONSEP & PENDEKATAN *AL-MAQASID*

Pendekatan *al-Maqasid* dalam perbincangan ini adalah merujuk kepada pendekatan berteraskan objektif syariah (Maqasid Syariah) dalam penentuan objektif dan pelaksanaan sesuatu tindakan. Ia diambil dari kata dasar bahasa Arab 'maqasid' dan kata *jamaknya* 'maqasid' bermaksud matlamat atau kehendak dan objektif. Menurut Al-Fasi (2011) Maqasid Syariah sebagai matlamat yang mengandungi kepercayaan dan hukum yang terkandung dalam perundangan Islam. Al-Raysuni (2010) mengatakan Maqasid Syariah

adalah suatu kebijaksanaan yang menggambarkan keutamaan dan kepentingan yang terkandung dalam perundangan Islam yang dicapai untuk kesejahteraan masyarakat samada melalui pelaksanaan *maslahah* (kebajikan/kesejahteraan) atau penghindaran *mafsadah* (keburukan) (al-Syatibi 1975). Dengan syarat tidak bertentangan dengan ajaran Al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: "Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya" (Surah al-Baqarah: Ayat 195).

Sabda Rasulullah S.A.W:

"Janganlah kamu memudaratkan dan membalas kemudaratkan" (Hadis Riwayat al-Nasaie, Sunan al-Nasaie, no. 11404).

Ia selaras dengan tujuan untuk menghilangkan kesusahan dan kemudaratkan masyarakat dalam pelbagai cara termasuklah meletakkan matlamat kerja dan keluarga berasaskan keutamaan dan keseimbangan bagi menjaga keharmonian rumahtangga dan melaksanakan amanah pekerjaan. Pendekatan ini juga ditekankan bertujuan untuk menjaga kepentingan awam seperti pelanggan dan pemegang taruh walaupun ianya tidak dinyatakan secara khusus dalam al-Quran atau al-Sunnah. Justeru, pendekatan *al-Maqasid* akan menekankan kepada lima keutamaan asas yang dinamakan sebagai *dharuriyyat al khams*. *Dharuriyyat* merangkumi keperluan asas yang menjadi lumrah di dalam hidup manusia. Keperluan *Dharuriyyat* diukur berdasarkan keperluan untuk memelihara dan melindungi lima perkara; (1) Agama; (2) Akal; (3) Kehidupan Diri; (4) Keturunan; dan (5) Harta. Justeru, sebarang tindakan atau perilaku yang boleh memudaratkan mana-mana lima perkara ini adalah dilarang di dalam Islam (al-Syatibi (t. t). Penekanan kepada 5 asas ini perlu dijadikan matlamat dalam melaksanakan amanah keluarga dan kerjaya di mana kesemua usaha ke arah kejayaan dan kebahagiaan tidak menggugat atau memudaratkan kelima-lima *maqasid* ini. Pertimbangan kepada pelaksanaan PKKI secara *al-Maqasid* pula boleh dipandu berdasarkan lima

keutamaan yang dinyatakan oleh al-Qaradhawi (2002) di mana sebaiknya:

1. Meletakkan hal-hal *dharuriyat* (keperluan mendesak) di atas yakni lebih tinggi daripada *hajiyyat* (keinginan semata-mata) dan *tahsiniyyat* (yang hanya menjadikan ia lebih sempurna atau menambahbaik).
2. Mengutamakan *masalahah* ke atas hal-hal yang diyakini akan berjaya berbanding yang tidak diyakini akan berjaya.
3. Mendahulukan *masalahah* yang lebih besar berbanding *masalahah* yang lebih kecil.
4. Mengutamakan manfaat kepada masyarakat umum berbanding dengan manfaat kepada individu-individu atau kelompok-kelompok tertentu sahaja.
5. Mendahulukan *masalahah* yang akan kekal dan berpanjangan berbanding dengan *masalahah* yang sementara atau berjangka pendek sahaja.

PENDEKATAN *AL-MAQASID* DAN HUBUNGKAITNYA DENGAN PKKI


Hubungkait pendekatan *al-Maqasid* dalam pengurusan keluarga dan kerjaya ialah melalui lima bentuk penekanan dalam PKKI. Iaitu;

1. PKKI berteraskan *al-Maqasid* menekankan tindakan berasaskan *masalahah* jangka panjang bagi keluarga dan kerjaya. Antaranya memastikan kesibukan kerjaya tidak menjejaskan keharmonian rumahtangga dan keharmonian rumahtangga tidak menghalang individu mencapai kecemerlangan kerjaya.
2. PKKI berteraskan *al-Maqasid* menekankan tindakan berasaskan *masalahah* jangka pendek bagi keluarga dan kerjaya. Antaranya memastikan kesibukan kerjaya tidak menjejaskan perhatian dan kawalan terhadap anak yang membawa kepada pengabaian dan kecuaiian dalam melaksanakan tanggungjawab. Contohnya, anak terjebak dengan gejala sosial, lari dari rumah akibat tidak mendapat kasih sayang dan perhatian, hilang dalam penjagaan dan sebagainya.
3. PKKI berteraskan *al-Maqasid* menekankan tindakan berasaskan *masalahah* bersifat *dharuriy* iaitu antaranya menjaga agar amalan di tempat kerja dan ahli keluarga tidak bertentangan atau merosakkan

akidah. Seperti amalan khurafat atau syirik agar kerja dan keluarga mendapat keberkatan; menjaga sumber rezeki yang halal.

4. PKKI berteraskan *al-Maqasid* menekankan tindakan berasaskan *awlawiyyat*. Iaitu bagi wanita tindakannya hendaklah dengan memberikan keutamaan kepada keluarga dan keizinan suami; mengutamakan kerja berasaskan sejauhmana kepentingannya kepada pencapaian matlamat organisasi; mengutamakan kerja berasaskan arahan dan peraturan; mengutamakan keperluan keluarga daripada diri sendiri seperti pendidikan anak-anak berbanding aktiviti rekreasi untuk kerehatan diri sendiri; mengutamakan perhatian terhadap keluarga dalam keadaan kritikal seperti sakit.

Ketiga-tiga konsep utama Islam yang menjadi kerangka dan pendekatan PKKI dikemukakan dalam Rajah 3:



RAJAH 3. Kerangka Pendekatan PKKI

KESIMPULAN

Wanita dalam kerjaya bahkan dalam pembuatan dasar organisasi dan politik adalah suatu penglibatan yang telah lama berlaku dalam sejarah. Peranan mereka semakin berkembang sesuai dengan perkembangan pembangunan negara. Namun, timbul isu yang mengaitkan wanita bekerja dengan pelbagai masalah ekoran kegagalan menyeimbangkan antara tanggungjawab keluarga

dan kerjaya. Kajian banyak menunjukkan bahawa tanpa pengurusan keluarga dan kerjaya yang baik pelbagai kesan sampingan boleh berlaku. Ia meliputi masalah stres di tempat kerja, konflik peranan dan beban, masalah kesihatan dan mental, pengabaian dan kecuaihan bahkan perceraian dalam rumahtangga. Cabaran menguruskan keluarga dan kerjaya dalam alaf baru memerlukan kepada strategi atau pendekatan yang bersepadu antara kaedah moden dan juga agama. Justeru, pelbagai cara berbentuk dasar dan sistem telah dikenalpasti untuk mengimbangkan antara dua tanggungjawab besar ini termasuklah polisi kerja, agihan kerja, waktu anjal, pusat penjagaan anak di tempat kerja, kemahiran keibubapaan, sokongan suami dan ahli keluarga dan pembangunan syakhsiah dan spiritual. Justeru, berdasarkan metod kajian teks al-Quran, pandangan pemikir Islam dan kajian literatur terhadap 12 kajian lepas yang terkini antara tahun 2014-2016. Iaitu kajian Muhammad Irwan, Wan Shahrazad dan Mohd Shahfie (2016), Nur Saadah dan Helma (2016), Hasanah (2016), Noraini dan Nor Diana (2015), Kohilah (2015), Francis dan Gopinath Sangaran (2015), Muhamad Khalil, Idaya Husna dan Muhammad Shafiq (2015), Yadav dan Rani (2015), Muhammad Khalil (2015), Kim Hye Hyoung (2014), Md. Razak et al. (2014) dan kajian Retu Atheya dan Renu Arora (2014).

Makalah ini telah mencadangkan tiga gabungan pendekatan yang bersifat spiritual, nilai dan sistem Islam yang dinamakan sebagai Pendekatan *al-Tadayyun*, *al-Maqasid* dan *al-Wasatiyyah*. Pendekatan ini dicadangkan sebagai strategi dan panduan ke arah keseimbangan keluarga dan kerjaya secara Islam. Ketiga-tiganya menjurus kepada usaha memperkukuhkan penghayatan beragama (*al-Tadayyun*) melalui 10 kaedah, kejelasan arah tuju atau matlamat berteraskan *masalah* dan *awlawiyyat* (*al-Maqasid*) serta pemupukan nilai akhlak (*al-Wasatiyyah*) dalam memandu dan mempersiapkan diri individu lelaki mahupun wanita ke arah kejayaan dalam mengurus keluarga dan kerjaya.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini di bawah geran FRGS2014/1A.

NOTA HUJUNG

- ¹ Gambar `Ayn Zubaydah boleh dilihat pada capaian ini. <http://www.crcnetbase.com/action/showImage?doi=10.1201/9781315368566-14&iName=master.img-006.jpg&w=239&h=179>

RUJUKAN

- ‘Abd al-Muta’al Muhammad al-Jabari. t.t. *al-Mar’ah fi al-Tasawwur al-Islami*. cetakan 2. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, No. 38 Cet.1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Al-Fasi, ‘Alal. 2011. *Maqasid al-Shari’ah al-Islamiyyah wa ma Karimuha*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Jabari, Muhammad Aabad. 1997. *Qadaya fi al-fikr al-mu’asir* (Issues in Contemporary Thought). Beirut: Center for the Study of Arab Unity.
- Al-Jazairi, Abu Bakar Jabir. 1997. *Aisar al-Tafasir li al-Kalam al-Ali al-Kabir al-Madinah al-Munawwarah*. Jil. 4, Cet. 3. Kaherah: Maktabah Ulum wa al-Hikam.
- Al-Nasa’ie, Abu Abd Rahman Ahmad ibn Syuaib. 1991. *Sunan al-Nasa’ie al-Kubra*. No. 11404, Jil.6, Cet.1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Al-Raysuni, Ahmad. 2010. *Madkhal ‘ila Maqasid Shari’ah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Sya’rawi, Syeikh Muhammad Mutawalli. t.t. *Tafsir al-Sya’rawi*. Mesir: Matobi’ Akhbar al-Yaum.
- Al-Syatibi, Ahmad. 1975. *al-I’tisam min al-Kutub*. Jilid 3. Cairo: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2002. *Min Fiqh al-Dawlah fi ai-Islam*, (terj.) Arsil Ibrahim, Kuala Lumpur: ABIM
- Al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad. t.t. *al-Jami’ li al-Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 2003. *Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Jil.21. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Allport G. W. & Ross M. J. 1967. Personal religious orientation and prejudice. *Journal of Psychology and Personality*. 5: 432-443.
- Francis R. S. & Gopinath Sangaran. 2015. A conceptual paper on work family balance in the hotel industry: A Malaysian perspective. *International Journal of Arts and Commerce*. 4: 100-101.

- Khallaf, Abdul Wahab. t.t. *Siyasah Syar'ieyah Aw Nizam al-Daulah Islamiyah Fi Syuun al-Dusturiyah wa al-Kharijiyah wa al-Maliyah*. Kaherah: Dar al-Ansar.
- Hasanah, Fienna Rahmi. 2016. Hubungan Antara Komitmen Beragama Islam Dengan Motivasi Kerja Pada Pegawai Administrasi Baru Di Universitas Islam Bandung. Tesis Sarjana, Fakultas Psikologi, Universitas Islam Bandung (UNISBA).
- Ibn 'Asyur Al-Tunisy, Muhammad al-Thohir ibn Muhammad al-Thohir. 1984. *Tafsir al-Tahri wa al-Tanwir*. Jil. 22. Tunisia: Dar al-Tunisiah li al-Nasyr
- Indirawati, Emma. 2006. Hubungan antara kematangan beragama dengan kecenderungan strategi coping. *Jurnal Psikologi Undip* 3(2): 69-92.
- Kim Hye Hyoung. 2014. Work-Life Balance and Employees' Performance: The Mediating Role of Affective Commitment. *Global Business and Management Research: An International Journal* 6(1):13.
- Khurshid, K. 2012. Ayn Zubaydah flows down memory lane. *Arab News*, 30 June.
- Kohilah Sekaran. 2015. Anak Terabai: Ibu Bapa Sibuk Kejar Kemewahan. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/anak-terabai-ibu-bapa-sibuk-kejar-kemewahan-73727>. Retrieved on: 20 March 2017
- Md Razak Mat Yusof, Nurhikma Ridzuan, Adli Azidin, Mohd Mas Rizat Haji Abdul Latif & Irzan Ismail. 2014. The impact of work stress towards work life balance in Malaysia. *International Journal of Economics, Commerce and Management* 2(11): 4-6.
- Muhammad Irwan Ahmad, Wan Shahrazad Wan Sulaiman & Mohd Shahfie Jabarullah. 2016. Sosialisasi organisasi kumpulan dan tugas dalam kalangan ahli baru pegawai tadbir diplomatik. *Akademika* 86 (1):31-42.
- Muhamad Khalil Omar, Idaya Husna Mohd & Muhammad Shafiq Ariffin. 2015. Workload Role Conflict and Work-Life Balance among Employees of an Enforcement Agency in Malaysia. *International Journal of Business, Economics and Law* 8(2):26-39.
- Naimah Hamzah. 2015. Aplikasi Amalan Fiqh Sains Rumah Tangga Dan Kerjaya Dalam Kalangan Akademi Wanita Cemerlang. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru.
- Noraini M. Noor & Nor Diana Mohd. 2015. Work-Life Balance Policies in Malaysia: Theory and Practice. *Handbook of Research on Work Life Balance in Asia*. Gombak, Selangor: International Islamic University Malaysia.
- Nur Saadah Muhammad Aun & Helma Rusyda. 2016. Informal caregiving: Empowering Social Support Programs by Employers. *Akademika* 86(1):3-9.
- Handoyo, Restu Tri & Rusli, Erida. 2008. Hubungan komitmen beragama dengan intensi berhenti menyalahgunakan Narkoba pasca program rehabilitasi. *Jurnal Psikologi Sosial* 14(3): 17-26.
- Retu Atheya & Renu Arora. 2014. Stress and its brunt on employees Work-Life Balance (WLB): A conceptual study. *IOSR Journal of Humanities and Social Science (IOSR-JHSS)* 19 (3): 58-61.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Ilhaamie Abd.Ghani Azmi, Siti Arni Basir, Sharifah Latifah Syed Kadir, Syarifah Norulazan Syeikh Ahmad & Idris Nayan. 2017. Peradaban & nilai kelestarian insan melalui konsep wasatiyyah: Analisis literatur menurut tokoh sarjana Islam. Dlm. *Peradaban Islam Di Asia*, disunting oleh Nurul Wahidah Fauzi & Wan Nur Amirah, 225-247, Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Ilhaamie Abd. Ghani Azmi, Siti Arni Basir, Syarifah Norulazan Syeikh Ahmad & Idris Nayan. 2015. Diversiti konsep wasatiyyah: Aplikasi melalui inovasi dalam perkhidmatan awam Malaysia. *Jurnal Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam* 10:183-207.
- Yadav, Taruna & Rani, Sushma. 2015. Work life balance: Challenges and opportunities. *International Journal of Applied Research* 1 (11):7-13.

Sharifah Hayaati Syed Ismail
Academy of Islamic Studies
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur
Malaysia
E-mail: sashsiaq@um.edu.my

Received: 3 March 2017
Accepted: 12 October 2017